



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனர்களர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:
www.consumer.org.my

Surat Kepada Pengarang

19 Mac 2020

Rakyat Malaysia Perlu Patuhi Perintah Kawalan Pergerakan

Malaysia kini berada pada hari kedua Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020. Memandangkan kepada betapa seriusnya situasi ini, kami menjangkakan untuk melihat pusat membeli-belah yang lengang, pusat penjaja kosong dan begitu juga dengan kawasan pejalan kaki. Sebaliknya kami melihat orang ramai keluar seperti biasa, membawa bayi dan anjing mereka, bersarapan, makan tengah hari dan makan malam.

Setakat ini Malaysia mempunyai 790 kes Covid-19 yang disahkan dan dua kematian akibat penyakit ini (ketika surat ini ditulis). Bagaimanapun, dengan angka ini masih ramai rakyat Malaysia yang masih tidak mengambil kes ini dengan serius.

Perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan supaya orang ramai akan mengehadkan ke mana mereka pergi dan siapa mereka temui. Orang ramai tidak sepatutnya berkumpul dalam kumpulan yang besar sama ada secara sengaja atau tidak.

Anda mungkin berfikir bahawa anda tidak demam dan anda tidak batuk, jadi tidak mengapa bagi anda untuk keluar dan bercampur; tetapi anda ternyata silap. Alasan yang ditakuti oleh pakar dan terus memberi amaran kepada kita supaya lebih berhati-hati ialah kerana virus amat mudah berjangkit; dan ini kerana ia boleh merebak malah apabila pembawanya tidak bergejala. Ini bermakna anda boleh menjangkiti orang lain, jika anda mempunyai virus Covid-19, malah apabila anda tidak batuk dan tidak demam.

Inilah sebabnya kenapa kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan selama 14 hari. Supaya anda tidak merebakkannya tanpa mengetahui kepada keluarga, rakan dan kawan. Supaya anda tidak berakhir menjadi penyebab kepada sistem kesihatan kita menjadi bertambah bebannya dalam keadaan mencabar ini.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) meminta agar rakyat mengambil serius akan penyakit Covid-19 ini. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab dan duduk di rumah; dan hanya keluar apabila perlu. Jangan tunggu pihak polis mengancam anda dengan tahanan lokap dan denda tetapi mengambil inisiatif untuk tidak berkeliaran di tempat awam. Jika anda melihat orang ramai berkumpul di tempat yang tidak sepatutnya, didiklah mereka akan betapa teruknya penyakit ini... walaupun jika mereka memanggil anda penyibuk (*busybody* atau *kay poh chee*) kerana berbuat demikian.

MOHIDEEN ABDUL KADER

Presiden

Persatuan Pengguna Pulau Pinang